



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERANAN KEPERLUAN ASAS PSIKOLOGI SEBAGAI PENGANTARA BAGI HUBUNGAN ANTARA IKLIM SEKOLAH DENGAN KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF PELAJAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NORKHAFIZAH BINTI YUSSUF

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERANAN KEPERLUAN ASAS PSIKOLOGI SEBAGAI PENGANTARA
BAGI HUBUNGAN ANTARA IKLIM SEKOLAH DENGAN
KESEJAHTERAANSUBJEKTIF PELAJAR**

NORKHAFIZAH BINTI YUSSUF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyeiikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/
/
/


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...10...(hari bulan) JANUARI(bulan) 20...23.

i. Perakuan pelajar :

Saya, NORKHAFIZAH BINTI YUSSUF (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PERANAN KEPERLUAN ASAS PSIKOLOGI SEBAGAI PENGANTARA BAGI HUBUNGAN ANTARA IKLIM SEKOLAH DENGAN KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF PELAJAR

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:


Saya, PROF.MADYA DR. HAZALIZAH BT HAMZAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERANAN KEPERLUAN ASAS PSIKOLOGI SEBAGAI PENGANTARA BAGI HUBUNGAN ANTARA IKLIM SEKOLAH DENGAN KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF PELAJAR

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PSIKOLOGI PENDIDIKAN

IJAZAH).

18/01/2023

Tarikh



(SILA NYATAKAN NAMA)
Assoc. Prof Dr. Hazalizah binti Hamzah
 Department of Psychology and Counseling
 Faculty of Human Development
 Sultan Idris Education University

Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PERANAN KEPERLUAN ASAS PSIKOLOGI SEBAGAI PENGANTARA
BAGI HUBUNGAN ANTARA IKLIM SEKOLAH DENGAN KESEJAHTERAAN
SUBJEKTIF PELAJAR

No. Matrik / Matic's No.: M20172002300

Saya / I : NORKHAFIZAH BINTI YUSSUF
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
 kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia
 Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official
 Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
 organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains
 restricted information as specified by the organization where the research
 was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

Assoc. Prof Dr. Hazlizah Binti Hamzah
Department of Psychology and Counseling
Faculty of Human Development
Sultan Idris Education University

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 18/01/2023(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)18/01/2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period
and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT penulis dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat pengijazahan Sarjana Psikologi Pendidikan. Setinggi-tinggi syukur kepada Allah SWT kerana mengurniakan perjalanan sarjana ini dengan warna warni yang penuh hikmah dan rahmat. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia utama yang disayangi Prof Madya Dr. Hazalizah binti Hamzah dan penyelia kedua, Dr. Mohd Razimi bin Husin, kalian adalah guru yang sangat hebat. Tidak dilupakan kepada semua barisan pensyarah, dan staf teknikal Fakulti Pembangunan Manusia amnya dan Jabatan Psikologi Pendidikan UPSI khususnya yang membantu dalam urusan pengumpulan data dan pengurusan pengajian ini. Terima kasih juga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, dan Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak kerana memberikan kebenaran kajian ini dijalankan. Terima kasih tidak terhingga kepada semua pengetua sekolah, para guru dan pelajar sekolah di daerah Hilir Perak yang terlibat dalam proses pengedaran borang kaji selidik dan pengumpulan data dalam kajian ini. Tidak dilupakan kepada ibu saya, Pn. Siti Jamiah binti Hassan, ibu mertuaku allahyarhamah Masitah binti Ismail, suami tersayang, Syahrul Anuar bin Ali dan anak-anak, Nur 'Aisyah Al-Wafa, Nur Ayra Al-Wafa, Muhammad Izzuddin Alqassam, Nur 'Aliya Alwafa dan Nur Alesya Alwafa, kerana sentiasa menyokong dan berada di sisi dalam susah dan senang. Turut dihargai buat adik beradik, ipar duai dan rakan-rakan sekerja di sekolah, terima kasih atas doa dan sokongan kalian. Semoga Allah mengganjari kebaikan yang terbaik kepada kalian.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan keperluan asas psikologi sebagai pengantara bagi hubungan antara iklim sekolah dengan kesejahteraan subjektif pelajar di sekolah. Reka bentuk penyelidikan kuantitatif dipilih untuk menjawab tiga persoalan kajian dan lapan belas hipotesis. Tiga set instrumen telah digunakan untuk mengukur iklim sekolah, keperluan asas psikologi dan kesejahteraan subjektif pelajar di sekolah. Seramai 361 responden yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah di Daerah Hilir Perak dipilih melalui pensampelan bersrata dan data dianalisis menggunakan *Structural Equation Modeling*. Keputusan analisis secara *bootstrapping* mendapati bahawa keperluan asas psikologi adalah pengantara yang signifikan positif bagi hubungan antara dimensi iklim sekolah yang terdiri daripada sokongan guru, hubungan rakan sebaya, hubungan dengan pihak sekolah, melaporkan dan meminta pertolongan, kepelbagaiannya budaya dan peraturan yang jelas terhadap perasaan positif dengan nilai *standart indirect effect* berada antara $0.094(p=0.001)$ hingga $0.198 (p=0.030)$ serta kepuasan hidup pelajar di sekolah dengan nilai *standart indirect effect* berada antara $0.082 (p=0.001)$ hingga $0.174 (p=0.030)$. Kajian ini turut mendapati keperluan asas psikologi juga adalah pengantara yang signifikan negatif bagi hubungan antara ke enam-enam dimensi sekolah tersebut dengan perasaan negatif pelajar dengan nilai *standart indirect effect* berada antara $-0.046 (p=0.006)$ hingga $-0.022 (p=0.035)$. Kesimpulannya, kajian ini telah menyokong bahawa keperluan asas psikologi menjadi asas penting dalam menentukan tahap kesejahteraan subjektif pelajar. Implikasi kajian ini dapat membantu pemegang taruh dalam bidang pendidikan melakukan penambahbaikan iklim sekolah menerusi pelaksanaan strategi dan tindakan berdasarkan keperluan asas psikologi pelajar. Kajian yang lebih komprehensif dengan melibatkan pelajar, guru, ibu bapa dan komuniti perlu dilaksanakan untuk melihat kesan yang lebih luas lagi terhadap keperluan asas psikologi dan tahap kesejahteraan pelajar di sekolah.





THE ROLE OF THE BASIC PSYCHOLOGICAL NEEDS AS A MEDIATOR IN THE RELATIONSHIP BETWEEN THE SCHOOL CLIMATE AND THE SUBJECTIVE WELL-BEING OF STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to analyse the role of basic psychological needs as a mediator for the relationship of school climate with the subjective well-being of students in school. A quantitative research design was selected to answer three research questions and eighteen hypotheses. Three sets of instruments were conducted to measure the school climate, basic psychological needs and subjective well-being of students. A total of 361 respondents from secondary school students in the district of Hilir Perak were selected through strata sampling and the data analysis was done using Structured Equation Modelling. The results of bootstrapping analysis discovered the basic psychological needs were significant positive mediator for relationship between school climate dimensions which consist of teacher support, peer connectedness, school connectedness, reporting and seeking help, affirming diversity and rules clarity on positive feelings with the standard value of indirect effect is between 0.094 ($p=0.001$) to 0.198 ($p=0.030$) and student's life satisfaction in school with the standard value of indirect effect is between 0.082($p=0.001$) to 0.174 ($p=0.030$). This research also found that the basic psychological needs significant negative mediator for the relationship between the all six dimensions of the school climate with negative feelings of student with standard value of indirect effect between -0.046 ($p=0.006$) to -0.022 ($p=0.035$). In conclusion, this study has supported the basic psychological needs become an important basis in determining the level of subjective well-being of students. The implications of this study can help education stakeholders improving the school climate with the strategies based on the basic psychological needs of students. Comprehensive study involving students, teachers, parents and the community needs to be implemented to see wider impact of the basic psychological needs and subjective well-being students in school.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xi

SENARAI RAJAH xiii

SENARAI SINGKATAN xiv

SENARAI LAMPIRAN xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Pernyataan Masalah Kajian 6

1.4 Objektif Kajian 9

1.5 Persoalan Kajian 10

1.6 Hipotesis Kajian 10

1.6.1 KAP Sebagai Pengantara bagi Hubungan Antara Iklim Sekolah dengan Perasaan Positif dan Perasaan Negatif 11

1.6.2 KAP Sebagai Pengantara Bagi Hubungan Antara Iklim Sekolah dengan Rasa Kepuasan Hidup di Sekolah 18





1.7 Kerangka Konseptual Kajian	21
1.7.1 Model Iklim Sekolah	22
1.7.2 Self Determination Theory	27
1.7.3 Model Kesejahteraan Subjektif	30
1.8 Kepentingan Kajian	34
1.9 Definisi Konseptual dan Operasional	35
1.9.1 Iklim Sekolah	36
1.9.2 Keperluan Asas Psikologi	37
1.9.3 Kesejahteraan Subjektif Pelajar	38
1.10 Rumusan	39

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	40
2.2 Iklim sekolah	41
2.2.1 Dimensi Iklim Sekolah	42
2.3 Keperluan Asas Psikologi	48
2.4 Kesejahteraan Subjektif	53
2.4.1 Kesejahteraan Subjektif Pelajar	55
2.5 Hubungan Iklim Sekolah dengan Kesejahteraan Subjektif	59
2.6 Hubungan Iklim Sekolah dengan KAP	64
2.7 Hubungan KAP dengan Kesejahteraan Subjektif	65
2.8 Peranan KAP sebagai Pengantara bagi Elemen Iklim Sekolah dengan Kesejahteraan	67
2.9 Rumusan	73

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan	75
-----------------	----





3.2 Pendekatan Dan Kaedah Kajian	76
3.3 Populasi Dan Sampel	77
3.4 Instrumen Kajian	84
3.4.1 Proses Penterjemahan Dan Pemurnian Bahasa	85
3.5 Kajian Rintis	88
3.5.1 Analisis Faktor Penerokaan	89
3.5.1.1 Iklim Sekolah	90
3.5.1.2 Keperluan Asas Psikologi	98
3.5.1.3 Kesejahteraan Subjektif Pelajar Di Sekolah	101
3.5.2 Set Borang Soal Selidik	105
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	106
3.7 Kaedah Menganalisis Data	107
3.7.1 Analisis Faktor Pengesahan (CFA)	108
3.7.1.1 Penilaian Data Bertaburan Normal	109
3.7.1.2 Unidimensionality	110
3.7.1.3 <i>Standardized Residual Covariances</i>	110
3.7.1.4 Kesahan	111
3.7.1.5 Kebolehpercayaan	112
3.7.2 Model Persamaan Struktur (SEM)	113
3.7.2.1 Pengantara	114
3.8 Rumusan	116
BAB 4 ANALISIS KAJIAN	
4.1 Pendahuluan	118
4.2 Maklumat Responden	119
4.3 Pembersihan Data	122





4.3.1 Fasa Pertama - Semakan Memasukkan Data	123
4.3.2 Fasa Dua- Data Tidak Lengkap	125
4.3.3 Fasa Tiga- Penyingkiran Data <i>Unengaged Responses</i>	126
4.4 Analisis Faktor Pengesahan (CFA)	128
4.5 Analisis SEM	139
4.6 Rumusan	149
BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1 Pendahuluan	151
5.2 Perbincangan Hasil Kajian	152
5.2.1 Peranan KAP Sebagai Pengantara Bagi Hubungan Antara Dimensi Iklim Sekolah Dengan Perasaan Positif	153
5.2.2 Peranan KAP Sebagai Pengantara Bagi Hubungan Antara Dimensi Iklim Sekolah Dengan Perasaan Negatif	160
5.2.3 Peranan KAP Sebagai Pengantara Bagi Hubungan Antara Dimensi Iklim Sekolah Dengan Kepuasan Hidup	165
5.3 Implikasi Kajian	175
5.4 Limitasi dan Cadangan Kajian Akan Datang	178
5.5 Rumusan	180
RUJUKAN	182
LAMPIRAN	227



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
------------	------------

1.1 Pelaksanaan Program Kesejahteraan Pelajar di Sekolah Malaysia 2000 - 2019	5
---	---

2.1 Dimensi Iklim Sekolah	42
---------------------------	----

2.2 Instrumen untuk Mengukur Kesejahteraan Subjektif Pelajar di Malaysia	56
--	----

3.1 Cara Penentuan Saiz Sampel bagi Setiap Sekolah Menengah di Hilir Perak	83
--	----

3.2 Sumber Instrumen Soal Selidik yang Diadaptasi	85
---	----

3.3 Tindakan Pemurnian Instrumen Soal Selidik Berdasarkan Saranan Pakar	86
---	----

3.4 Ujian dan Nilai Pemisah bagi EFA	90
--------------------------------------	----

3.5 Nilai Min, Sisihan Piawai, Skewness dan Kurtosis bagi Iklim Sekolah	92
---	----

3.6 Keputusan Ujian EFA bagi Iklim Sekolah	96
--	----

3.7 Nilai Min, Sisihan Piawai, Skewness dan Kurtosis bagi KAP	99
---	----

3.8 Keputusan Ujian EFA bagi KAP	101
----------------------------------	-----

3.9 Nilai Min, Sisihan Piawai, Skewness dan Kurtosis bagi Kesejahteraan Subjektif	103
---	-----

3.10 Keputusan Ujian EFA bagi Kesejahteraan Subjektif	104
---	-----

3.11 Tiga Kategori Indeks kesepadan model dan Level Penerimaan	111
--	-----

3.12 Peringkat Dalam Menganalisis Data Secara SEM	113
---	-----

4.1 Maklumat Demografi Responden	119
----------------------------------	-----



4.2	Maklumat Pelajar Dibuli Dalam Tempoh Seminggu Persekolah	121
4.3	Statistik Deskriptif bagi Mengenal Pasti Kesalahan Memasukkan Data	124
4.4	Pembetulan Data yang Salah Dimasukkan Dalam Microsoft Excel	125
4.5	Maklumat Sebahagian dari Sampel yang Digugurkan	126
4.6	Contoh Sampel Digugurkan kerana Masalah Unengaged Responses	127
4.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan bagi Model KAP	130
4.8	Nilai Indeks Kesepadan Model bagi Ujian CFA	134
4.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Model CFA ke 9	135
4.10	Nilai Min, Sisihan Piawai, Pemberat Faktor dan Alfa Cronbach	136
4.11	Keputusan Ujian bagi Hipotesis yang Dikaji	147
4.12	Keputusan Hipotesis Berdasarkan Data Kajian	149





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Komponen KAP Berdasarkan SDT	28
1.2 Pendekatan Model Kesejahteraan	31
1.3 Kerangka Konseptual Kajian	33
3.1 Kelulusan dan Pemerolehan Data	107
3.2 Konsep Asas Pengujian Pengantara	114
4.1 Proses Pemilihan Sampel Kajian	123
4.2 Model Pengukuran Konstruk KAP	131
4.3 Keputusan <i>Standardized Regression</i> Setiap Laluan Analisis	141
4.4 Keputusan <i>Standardized</i> bagi Model Kajian	146





SENARAI SINGKATAN

AGRI	Adjusted Goodness Of Fit
ASBPNSS	Adolescent Students' Basic Psychological Needs At School Scale
AVE	Average Variance Extracted
CFA	Comfirmatory Factor Analysis
CFI	Comparative Fit Index
CHISQ/DF	Chi Square/Degrees Of Freedom
EFA	Explortary Factor Analysis
EP	Perasaan Positif
EPRD	Education Planning And Research Division
GFI	Goodness Of Fit Index
HIV	Human Immunodeficiency Virus
HSC	Higher School Certificate
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KAP	Keperluan Asas Psikologi
KB	Kepelbagaian Budaya
KMO	Kaiser-Meyer-Olkin
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KTS	Keperluan Hidup Di Sekolah
MI	Modification Indices
MP	Melaporkan Dan Mendapatkan Pertolongan
MR	Melaporkan Dan Meminta Pertolongan





MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
MSA	Measure Of Sampling Adequacy
MSLSS	Multidimensional Students' Life Satisfaction Scale
NA	Negative Affect
NFI	Normed Fit Index
PANAS	Positive Affect Negative Affect Schedule
PBB	Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
PHD	Doctor Of Philosophy
PJ	Peraturan Yang Jelas
PK	Penerimaan Kepelbagai Budaya
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PN	Perasaan Negatif



PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PS	Pihak Sekolah
RMSEA	Root Mean Square Of Error Approximation
RS	Rakan Sebaya
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SDT	Self Determination Theory
SEM	Struktural Equal Modelling
SG	Sokongan Guru
SLSS	School Life Satisfaction Scale
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama





SPANE	Scale Of Positive And Negative Experience
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMV	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SSDM	Sistem Salah Laku Dan Disiplin Murid
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SWB	Subjective Well-Being
SWLS	Subjective Wel-Being Life Satisfaction
TLI	Turkey-Lewis Index
WHITS	What Happening In This School





SENARAI LAMPIRAN

No. Lampiran	Muka Surat
A Jumlah Pelajar Sekolah Menengah di Hilir Perak	228
B Surat Lantikan Penterjemah	230
C Surat Pelantikan Sebagai Pakar Penilai Instrumen	232
D Set Borang Soal Selidik	234
E Kelulusan Menjalankan Penyelidikan dari Kementerian Pendidikan Malaysia	240
F Taburan Kenormalan Data Berdasarkan Skewness dan Kurtosis	241
G Mahalanobis Distance	243
H Pemberat Faktor	246
I Nilai Standardized Residual Covariances	248
J Model CFA	249
K Indeks Modifikasi	254
L Keputusan Analisis SEM	256
M Modifikasi Model Persamaan Struktur (Mengkorelasi Residual PA, NA dan LS)	258
N Aras Signifikan Antara Korelasi Residual Bagi Sub Konstruk Kesejahteraan Subjektif	260





BAB 1

PENGENALAN



Sekolah merupakan institusi pendidikan yang banyak menyumbang kepada pengalaman hidup remaja (Osher, Kendziora, Spier, & Garibaldi, 2014). Cara remaja menilai dan menerima pengalaman hidup di sekolah secara langsung mempengaruhi rasa kesejahteraan subjektif dalam kehidupan mereka (Govorova, Benítez, & Muñiz, 2020). Kesejahteraan subjektif pelajar diukur melalui tingginya perasaan positif dan rendahnya perasaan negatif serta rasa kepuasan hidup berada di sekolah (Eryilmaz, 2012b). Tingginya perasaan positif dan rendahnya perasaan negatif serta kepuasaan pelajar di sekolah didapati disumbangkan oleh dimensi iklim sekolah yang baik (Lombardi et al., 2019). Walau bagaimanapun ketiga-tiga komponen kesejahteraan subjektif (*hedonic well-being*) perlu dilengkapkan dengan keperluan asas psikologi (KAP) (*eudaimonic well-being*). Hal ini kerana kesejahteraan *eidaimonic* dan





kesejahteraan *hedonic* mempunyai hubungan positif. Apabila kesejahteraan *eidaimonic* individu meningkat, maka kesejahteraan *hedonic* individu tersebut juga turut sama meningkat dan begitu juga sebaliknya (Huta & Ryan, 2010). Maka dapat difahami bahawa tahap perasaan positif dan negatif serta kepuasan pelajar di sekolah turut bergantung kepada tahap KAP yang telah dipenuhi, manakala KAP pula bergantung kepada faktor luaran iaitu iklim sekolah. Sekiranya iklim sekolah tidak dapat memenuhi KAP, maka menyebabkan pelajar tersebut tidak berasa seronok berada di sekolah.

Justeru, peranan KAP sebagai pengantara bagi hubungan antara dimensi iklim sekolah dengan rasa kesejahteraan subjektif pelajar menjadi fokus bagi kajian ini. Dalam bab 1 pengkaji akan diperincikan perkara-perkara utama mengenai kajian seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif kajian. Seterusnya hipotesis kajian dibina berdasarkan rumusan dapatan kajian-kajian yang lepas. Di samping itu kerangka konseptual turut dikemukakan. Akhir sekali, kepentingan kajian kepada pengembangan teori, pelajar dan badan pelaksana yang berkenaan serta definisi dan konseptual istilah dalam kajian turut dimuatkan dalam bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kesejahteraan subjektif atau *subjective well-being* (SWB) secara umumnya merujuk kepada penilaian terhadap rasa kegembiraan, kepuasan hidup dan kualiti kehidupan manusia (Diener et al., 1999). Konsep kesejahteraan subjektif telah digunakan dengan meluas untuk mengukur indeks kesejahteraan dalam pelbagai bidang seperti





percukaian, pelancongan (Lachowska, 2017) dan komunikasi maya (Lönnqvist & große Deters, 2016). Muttahir ini, terdapat trend peningkatan kajian kesejahteraan subjektif dalam kalangan remaja di peringkat global (González-Carrasco et al., 2017; García-Moya, Brooks, Morgan, & Moreno, 2015; Long, Huebner, Wedell, & Hills, 2012; Gillham et al., 2011). Hal ini kerana laporan yang dikeluarkan oleh *World Health Organization* (2020), mendapati 20% remaja di dunia menghadapi masalah mental. Oleh kerana masa remaja banyak dihabiskan di sekolah, sedikit sebanyak masalah gangguan mental turut berlaku di sekolah, maka isu kesejahteraan remaja di sekolah menjadi tumpuan.

Kesejahteraan remaja di sekolah banyak disumbangkan faktor sekolah itu sendiri. Misalnya, sekolah yang sejahtera pastinya mempunya frasarana yang selamat (Maxwell, 2000), suasana sosial yang harmoni (Lam, Shum, Chan, & Tsoi, 2021), sukanan kurikulum dan kokurikulum yang sesuai (Organisation for Economic Co-operation and Development, 2018) dan pengurusan sekolah yang berwibawa (Devlin et al., 2018; Lester & Cross, 2015; Roffey, 2012). Elemen-elemen yang wujud ini akan membentuk iklim sekolah yang baik dan memberi impak kepada kesejahteraan serta kemenjadian pelajar di sekolah. Dapatkan kajian secara tinjauan sistematik mendapati ciri-ciri iklim sekolah merangkumi persekitaran sekolah, keselamatan, pengajaran dan pembelajaran serta hubungan sosial warganya (Rudasill et al., 2018; Ramsey et al., 2016; Thapa et al., 2013) . Iklim sekolah yang baik dapat menyediakan persekitaran sekolah yang kondusif dan selesa serta menarik minat pelajar untuk berada di sekolah.

Menurut Ramelow, Currie dan Felder-Puig (2015) dan Cohen et al. (2009) dimensi iklim sekolah seperti keselamatan, pengajaran dan pembelajaran, perhubungan





dan persekitaran fizikal sekolah merupakan perkara teras yang menyumbang kepada kesejahteraan pelajar. Contohnya, pelajar berasa sejahtera dengan adanya sokongan guru, hubungan yang baik dengan rakan sebaya (Tomás et al., 2020; Tian et al., 2016; Tian et al., 2015), pengajaran dan pembelajaran yang kondusif (Eryilmaz, 2015), keselamatan diri yang terjamin (Lisa Anne Newland, Mourlam, Strouse, DeCino, & Hanson, 2019), penerimaan kepelbagaian (Savahl, Casas, & Adams, 2017), kemudahan asas yang selesa (Loureiro, Grecu, de Moll, & Hadjar, 2020), dan hubungan yang baik dengan pihak sekolah (Tian, Zhang, Huebner, Zheng, & Liu, 2016). Dalam konteks pendidikan di Malaysia, isu kesejahteraan pelajar di sekolah mendapat perhatian serius dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Perkara ini terbukti melalui pelbagai program yang dilaksanakan oleh pihak sekolah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1.1.**

1.1. Program ini bertujuan meningkatkan kesejahteraan pelajar di sekolah dari aspek keselamatan, kesejahteraan dan pencapaian akademik.



Walau bagaimanapun perlu difahami bahawa dari sudut psikologi positif, kesejahteraan terbahagi kepada dua jenis iaitu *eudaimonic* dan *hedonic* (Carlisle, Henderson, & Hanlon, 2009; Deci & Ryan, 2008). *Eudaimonic* merujuk kepada cara hidup individu untuk berusaha menjadi lebih baik dengan menggunakan bakat untuk menjadikan diri lebih bermakna, manakala *hedonic* pula merujuk kepada individu mencapai tahap keseronokkan tertentu (Lambert, Passmore, & Holder, 2015). Oleh itu, KAP dikategorikan sebagai kesejahteraan *eudaimonic*, manakala kesejahteraan subjektif pula dikategorikan sebagai kesejahteraan *hedonic* (Lambert et al., 2015). Walaupun berlainan kategori, kesejahteraan *eudaimonic* dan kesejahteraan *hedonic* mempunyai hubungan positif. Apabila kesejahteraan *eudaimonic* individu meningkat, maka kesejahteraan *hedonic* individu tersebut juga turut sama meningkat dan begitu





juga sebaliknya (Huta & Ryan, 2010). Hal ini bermaksud, tahap kesejahteraan subjektif pelajar di sekolah sangat bergantung kepada tahap KAP yang telah dipenuhi, manakala KAP pula bergantung kepada faktor luaran iaitu iklim sekolah. Maka, sekiranya KAP tidak dipenuhi, ini menyebabkan kesejahteraan subjektif tidak dapat dicapai sepenuhnya.

Jadual 1.1

Pelaksanaan Program Kesejahteraan Pelajar di Sekolah Malaysia 2000 - 2019

Program	Tahun Dilancarkan	Matlamat Program
Program Sekolah Selamat	2000	Memastikan keadaan sekolah sentiasa selamat
Program 3K (Kebersihan, Keselamatan, Kesihatan)	2004	Menangani masalah keselamatan, kebersihan dan kesihatan
Program Sekolah Penyayang	2012	Membudayakan amalan berkasih sayang di sekolah
SSDM (Sistem Salahlaku Disiplin Murid)	2012	Memantapkan pengurusan disiplin sekolah
Program Mentor Mentee	2013	Mengukuhkan dan memantapkan program guru penyayang
Program 3S (Senyum, Sapa, Salam)	2016	Memantapkan lagi program guru penyayang
PAK 21	2016	Pembelajaran berpusatkan pelajar
SSDM v 2.0 (Sistem Sahsiah Murid)	2017	Penambahbaikan SSDM sedia ada dan menekankan amalan baik murid sekolah
Program Jom ke sekolah	2019	Menangani masalah ponteng
Program Ziarah Cakna	2019	Memperkuuh konsep sekolah penyayang

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2019), Kementerian Pendidikan Malaysia (2016), Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), Kementerian Pendidikan Malaysia (2000)

KAP yang tidak dipenuhi menimbulkan pelbagai masalah kesejahteraan pelajar di sekolah. Buktinya, masih terdapat laporan di media elektronik mahupun media cetak seperti hubungan yang tidak baik antara guru-pelajar (Sinar Harian, 2019b; MyMetro, 2017), hubungan tidak baik sesama rakan sebaya (Yung et al., 2019), hubungan





kepelbagaian kaum masih rendah (Yong Hie Hie, Ku Hasnita Ku Samsu, Zaitul Himmah Adnan, Mohd Daud Awang, & Adlina Ab Halim, 2018), silibus mata pelajaran yang tidak mampu dikuasai (Sinar Harian, 2019), guru mengekalkan teknik pengajaran sehala (Astro Awani, 2018), dan larangan pemasangan tanglung di sekolah (Sinar Harian, 2020). Isu-isu yang dinyatakan menunjukkan KAP pelajar belum dipenuhi menyebabkan pelajar lebih berperasaan negatif berbanding berperasaan positif dan tidak berasa puas berada di sekolah. Maka kesannya dapat dilihat dengan berleluasanya kes ponteng sekolah seperti yang dilaporkan iaitu seramai 67,053 pelajar terlibat di seluruh negara (Astro Awani, 2018). Walaupun banyak kajian empirikal yang mengkaji KAP merupakan faktor utama yang mempengaruhi perasaan dan kepuasaan hidup pelajar di sekolah (Cordeiro et al., 2016; Tian, et al., 2016; Church et al., 2014; Eryilmaz, 2012b), namum semuanya dijalankan di luar negara. Di Malaysia masih belum terdapat kajian secara empirikal untuk memahami peranan KAP sebagai pengantara bagi hubungan antara iklim sekolah dengan perasaan positif dan negatif serta rasa kepuasaan hidup pelajar. Justeru, kajian ini merupakan kajian terawal di Malaysia untuk memahami peranan KAP sebagai pengantara dalam konteks kesejahteraan subjektif pelajar di sekolah.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Pada masa kini, tahap kesihatan mental pelajar sekolah di Malaysia berada pada tahap membimbangkan. Menurut Institute for Public Health Malaysia (2017) sebanyak 39.7% pelajar sekolah menengah menghadapi kerisauan melampau, diikuti kemurungan 18.30% dan tekanan perasaan 9.6%. Lebih membimbangkan lagi, pada





tahun 2017 mencatatkan 10% daripada pelajar sekolah menengah mempunyai idea untuk membunuh diri berbanding tahun 2012 hanya 7.9% (Institute for Public Health Malaysia, 2017). Peningkatan tren untuk membunuh diri ini sedikit sebanyak turut disumbangkan oleh persekitaran sekolah yang kurang sihat. Hal ini diperkuuh melalui laporan *Program for International Student Assessment* (PISA) yang dikeluarkan oleh OECD (2020a) mendapati 16.1% pelajar di Malaysia berasa sedih semasa berada di sekolah, dan Malaysia berada di tangga kedua daripada 77 buah negara yang terlibat dalam kajian tersebut. Berpandukan statistik yang dikemukakan, terbukti bahawa tahap kesihatan mental pelajar di Malaysia sangat membimbangkan, sekali gus mengambarkan tahap kesejahteraan subjektif kurang kurang memuaskan. Laporan-laporan yang dikemukakan ini turut membuktikan bahawa iklim sekolah sedia ada belum dapat meningkatkan perasaan positif, mengurangkan perasaan negatif dan memenuhi rasa kepuasan hidup pelajar. Oleh itu, isu kesejahteraan subjektif pelajar di sekolah perlu dipandang serius oleh semua pihak supaya masalah kesihatan mental pelajar dapat dikurangkan.

Pada peringkat global, terdapat banyak kajian yang membuktikan terdapatnya pengaruh iklim sekolah terhadap perasaan dan kepuasan hidup pelajar (Aldridge & McChesney, 2018). Contohnya, dapatan kajian tinjauan secara sistematik yang melibatkan 20 artikel berimpak tinggi oleh Kutsyuruba, Klinger dan Hussain (2015) mendapati dimensi fizikal sekolah, hubungan sosial dan suasana akademik memberi impak kepada perasaan positif dan negatif serta kepuasan hidup pelajar di sekolah. Begitu juga kajian di German, Chile dan Afrika Selatan membuktikan bahawa iklim sekolah signifikan memberi kesan kepada dengan perasaan positif dan negatif serta kepuasan hidup remaja yang berusia 12 tahun hingga 15 tahun (Varela, Savahl, Adams,





& Reyes, 2019; Steinmayr, Heyder, Naumburg, Michels, & Wirthwein, 2018). Manakala di Malaysia pula, kajian empirikal berkaitan pengaruh iklim sekolah terhadap perasaan dan kepuasan hidup pelajar di sekolah sangat terbatas kerana hanya melibatkan dimensi gaya pengajaran guru (Manisah Mohd Ali, Ramlee Mustapha, & Zalizan Mohd Jelas, 2006) dan gaya kepimpinan pengetua (Chan & Gurnam Kaur, 2014). Berpandukan kajian yang telah dijalankan diperingkat global terbukti bahawa iklim sekolah yang sihat berupaya meningkatkan perasaan positif, mengurangkan perasaan negatif dan memenuhi rasa kepuasan pelajar di sekolah.

Selain itu juga, terdapat kajian dalam konteks remaja mendapati KAP mempunyai hubungan secara langsung mempengaruhi perasaan positif dan negatif serta kepuasan hidup mereka Cordeiro, Paixão, Lens, Lacante, & Sheldon, 2016; Tian, Tian, et al., 2016; Church et al., 2014; Eryilmaz, 2012b). Malangnya, tidak banyak perbincangan yang dilakukan oleh sarjana bagi memahami hubungan tidak langsung bagi iklim sekolah dengan perasaan positif dan negatif serta kepuasan hidup pelajar melalui KAP. Sepanjang pengetahuan pengkaji, hanya terdapat empat kajian yang mengkaji peranan KAP selaku pengantara bagi hubungan iklim sekolah dengan kesejahteraan pelajar di sekolah¹ (Froiland et al., 2019; Gutiérrez et al., 2018; Guo, 2018; Tian et al., 2016). Di Amerika Syarikat misalnya, kajian yang melibatkan seramai 1,961 pelajar yang berlainan etnik turut mendapati KAP menjadi pengantara bagi hubungan guru-pelajar dengan kebahagiaan pelajar di sekolah (Froiland et al., 2019). Begitu juga, Guo (2018), Gutiérrez et al. (2018) dan Tian et al. (2016) mendapati KAP

¹ Carian di pengkalan data SCOPUS menggunakan kata kunci TITLE-ABS-KEY((autonomy AND relatedness AND competence) AND ("subjective well-being" OR "positive affect" OR happiness) AND (mediat*) AND (teacher OR peer OR friend OR belonging OR cultur* OR rule OR discipline)) pada 6.4.2019.





menjadi pengantara bagi dimensi hubungan guru-pelajar dan juga rakan sekelas dengan kesejahteraan subjektif pelajar di China dan Colombia. Hal ini perlu diberi penekanan kerana KAP sama pentingnya dengan keperluan fisiologi untuk perkembangan individu (Deci & Ryan, 2000). Sebagai mana sedia maklum, apabila individu tidak memperolehi makanan, pakaian dan tempat tinggal yang diperlukan, ia menyebabkan keadaan fisiologi individu terjejas sehingga boleh mengakibatkan kematian. Begitu juga apabila keperluan asas psikologi tidak dapat dipenuhi membuat individu sedih, murung, marah dan lain-lain perasaan negatif yang boleh menyebabkan individu bertindak di luar kawalan seperti mencederakan diri mahupun membunuh diri.

Berdasarkan dapatan kajian empirikal oleh Martela dan Sheldon (2019) yang mendapati bahawa perasaan positif dan negatif serta rasa kepuasaan hidup hanya dapat dicapai melalui KAP yang dipenuhi. Hal ini membuktikan KAP merupakan pengantara yang kuat bagi hubungan faktor persekitaran seperti kejiranan dan sekolah dengan kesejahteraan subjektif individu. Justeru, terdapat kelompongan yang boleh diterokai bagi memahami peranan KAP bagi hubungan iklim sekolah dengan kesejahteraan pelajar di negara ini.

1.4 Objektif Kajian

Bagi merungkai permasalahan yang dibincangkan pada bahagian 1.3, terdapat tiga objektif yang cuba dicapai dalam kajian ini iaitu:





- a. Menganalisis peranan KAP sebagai pengantara bagi hubungan antara dimensi iklim sekolah dengan perasaan positif pelajar.
- b. Menganalisis peranan KAP sebagai pengantara bagi hubungan antara dimensi iklim sekolah dengan perasaan negatif pelajar.
- c. Menganalisis peranan KAP sebagai pengantara bagi hubungan antara dimensi iklim sekolah dengan rasa kepuasan hidup pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang dibentangkan, maka timbul persoalan yang ingin dijawab melalui kajian ini iaitu:



- a. Adakah KAP menjadi pengantara bagi hubungan antara dimensi iklim sekolah dengan perasaan positif pelajar?
- b. Adakah KAP menjadi pengantara bagi hubungan antara dimensi iklim sekolah dengan perasaan negatif pelajar?
- c. Adakah KAP menjadi pengantara bagi hubungan dimensi dimensi iklim sekolah dengan rasa kepuasan hidup pelajar di sekolah?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis dalam kajian ini dibina berdasarkan saranan teori dan dapatan kajian secara empirikal dari kajian terdahulu yang dilaksanakan di luar negara mahupun dalam



negara. Dalam bahagian-bahagian yang berikut, dapatan kajian-kajian tersebut dibentangkan bagi menunjukkan asas kepada pembinaan hipotesis kajian ini.

1.6.1 KAP Sebagai Pengantara bagi Hubungan Antara Iklim Sekolah dengan Perasaan Positif dan Perasaan Negatif

Bagi remaja dan kanak-kanak, terdapat enam faktor utama yang dikenal pasti menyumbang kepada kesejahteraan mereka iaitu faktor pembelajaran, kewangan, perhubungan, masa lapang, persekitaran dan diri sendiri (Bradshaw, Keung, & Main, 2018). Berpandukan Teori Sistem ekologi, Bradshaw et al. (2018) menjelaskan bahawa persekitaran *microsystem* yang terdiri daripada keluarga, sekolah dan jiran merupakan faktor utama yang banyak menentukan kesejahteraan kanak-kanak dan remaja. Bagi faktor persekitaran sekolah didapati iklim sekolah begitu penting terhadap remaja kerana memberi kesan kepada pencapaian akademik, pembentukkan sikap dan perasaan mereka (Wang & Degol, 2016). Remaja termotivasi dan berdaya saing bergantung kepada tahap KAP yang telah dipenuhi (Eccles & Roeser, 2011). Berasaskan *Self Determination Theory* (SDT), KAP (rasa perkaitan, kecekapan dan autonomi) mempunyai hubungan langsung dengan kesejahteraan perasaan seperti kesejahteraan subjektif (Ryan & Deci, 2000b). Berdasarkan satu kajian meta analisis, telah dibuktikan bahawa KAP merupakan pengantara bagi menentukan perubahan gelagat (Gillison, Rouse, Standage, Sebire, & Ryan, 2019). Oleh kerana iklim sekolah turut menentukan perubahan gelagat pelajar sama ada berasa puas berada di sekolah serta berperasaan positif mahupun negatif, kajian Gillison et al. (2019) merupakan kunci terpenting yang menjadi pencetus bagi membolehkan pengkaji mengkaji KAP sebagai pengantara antara dimensi iklim sekolah dengan kesejahteraan subjektif pelajar.



Berperasaan positif merupakan motivasi terbaik untuk mendorong pelajar mencapai pencapaian akademik yang terbaik (Weber, Wagner, & Ruch, 2016). Apabila KAP individu dapat dipenuhi, ia turut menyebabkan individu terbabit berperasaan positif (Ryan & Deci, 2000b). Beberapa dapatan kajian terdahulu telah membuktikan KAP menjadi pengantara yang signifikan positif bagi hubungan antara sokongan guru dan hubungan rakan sebaya dengan perasaan positif pelajar di sekolah di China (Tian, Tian, et al., 2016) dan di Itali (Alivernini, Cavicchiolo, Girelli, et al., 2019). Manakala keperluan KAP yang ditingkatkan oleh guru melalui aktiviti kreativiti pula mendorong murid-murid sekolah rendah di Perancis lebih berperasaan positif dan berjaya dalam akademik (Fanchini, Jongbloed, & Dirani, 2019). Keperluan autonomi yang dipenuhi melalui sokongan guru didapati memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar (Theis et al., (2020; Gutiérrez et al., 2018) dan penglibatan pelajar dalam aktiviti pendidikan jasmani (Leisterer & Jekauc, 2019; Yoo, 2015).



Rakan sebaya di sekolah terbukti memberi pengaruh yang besar dalam kehidupan seharian sama ada dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah (You, 2011; Jiao et al., 2017). Kajian oleh (Furrer & Skinner, 2003) menunjukkan hubungan rakan sebaya yang baik meningkatkan rasa perkaitan dan perasaan perasaan pelajar semasa berada dalam kelas. Begitu kajian (Tian, Tian, et al., 2016) mendapati hubungan rakan sebaya dapat meningkatkan kesejahteraan subjektif pelajar secara tidak langsung melalui KAP dalam kalangan remaja sekolah di China. Dapatan kajian yang dinyatakan membuktikan KAP berperanan menjadi pengantara bagi hubungan antara sokongan guru serta rakan sebaya dengan perasaan positif.





Pihak sekolah merupakan sebahagian komuniti yang berada di sekolah seperti pihak pentadbiran sekolah, kumpulan pekerja sokongan (pekerja pejabat, pekerja pembersihan, pekerja keselamatan dan pekerja kantin). Kualiti hubungan pelajar dengan pihak sekolah memberi kesan kepada diri pelajar untuk berasa lebih dekat dengan sekolah, berasa selesa dan berasa diri sebahagian daripada sekolah (National School Climate Council, 2015). Melalui program-program yang diadakan terutama melibatkan komuniti sekolah bersama pelajar berupaya meningkatkan keseronokan pelajar seterusnya memenuhi KAP pelajar. Sehubungan itu, Murnaghan, Morrison, Laurence dan Bell (2014) mendapati program yang dilaksanakan melibatkan komuniti sekolah berupaya memenuhi KAP pelajar. Manakala, Calmeiro, Camacho dan de Matos (2018) pula mendapati hubungan komuniti sekolah mempengaruhi kepuasan hidup remaja bersekolah di Portugal. Selain itu, Dinnen et al. (2020) mendapati faktor komuniti sekolah memberi kesan negatif terhadap masalah emosi pelajar migran, seterusnya menyebabkan prestasi akademik mereka juga terjejas. Kajian-kajian ini menunjukkan kualiti hubungan pelajar dengan pihak sekolah bukan sahaja dapat memenuhi KAP mereka, malah menyebabkan kesan yang lebih besar seperti kesejahteraan dan pencapaian akademik mereka.

Budaya dan keagamaan merupakan dua perkara yang sangat berkait rapat. Oleh itu, apabila membincangkan penerimaan kepelbagai budaya, elemen agama dan amalan budaya turut sama dikaitkan. Ryan, Rigby dan King (1993) mendapati keagamaan mempunyai korelasi dengan kesejahteraan psikologi (kesempurnaan diri, harga diri dan kemurungan). Dari sudut perbezaan budaya pula, Chirkov, Ryan, Kim dan Kaplan (2003) telah menjalankan kajian silang budaya di Korea Selatan, Rusia, Turki dan Amerika Syarikat, mereka mendapati amalan budaya yang diamalkan





memberi kesan signifikan terhadap kesejahteraan psikologi (kesempurnaan diri, harga diri, kepuasan hidup dan kemurungan). Aldridge, McChesney dan Afari (2020) yang menjalankan kajian dalam kalangan pelajar sekolah yang berusia 7 tahun hingga 12 tahun di Australia turut mendapati KAP (daya tahan) merupakan pengantara bagi hubungan penerimaan kepelbagaian budaya dengan kepuasan hidup pelajar. Sebagai mana sedia maklum, daya tahan mempunyai hubung kait dengan autonomi, rasa perkaitan dan kecekapan. Menurut Benard (1997) daya tahan menggambarkan kecekapan sosial, kemahiran menyelesaikan masalah, autonomi dan mempunyai matlamat yang ingin dicapai pada masa hadapan, ini bererti konsep daya tahan yang digunakan Aldridge et al. 2020 adalah hampir sama dengan konsep SDT yang dikemukakan oleh (Ryan & Deci, 2007). Hal ini membuktikan bahawa KAP merupakan pengantara bagi hubungan antara penerimaan kepelbagaian budaya dengan perasaan positif pelajar di sekolah.



Tidak terkecuali juga faktor luaran yang tidak kurang pentingnya adalah elemen peraturan dan keselamatan di sekolah. Peraturan sekolah diwujudkan untuk menjamin keselamatan dan keselesaan pelajar di sekolah. Sehubungan dengan itu, para pelajar perlu jelas tentang peraturan sekolah yang telah ditetapkan. Peraturan sekolah yang jelas menggambarkan sekolah yang selamat untuk pelajar (Aldridge & Ala'I, 2013). Kajian di German mendapati memenuhi keperluan KAP menjadi pengantara bagi hubungan peraturan yang jelas serta pengawalan guru matematik terhadap perasaan positif mempelajari matematik dalam kalangan pelajar yang berusia sekitar 13 tahun (Kunter, Baumert, & Köller, 2007). Manakala kajian di Grek, Kokkinos dan Hatzinikolaou (2011) mendapati arahan yang tersusun dari guru memberi impak positif kepada kecekapan akademik (*scholastic competence*) pelajar dalam bilik darjah,



manakala peraturan yang jelas dalam bilik darjah pula turut signifikan positif mempengaruhi kecekapan berbahasa dalam kalangan pelajar.

Bagi konteks keselamatan sekolah pula, Williams et al. (2018) mendapati rasa selamat di sekolah berkorelasi positif dengan rasa perkaitan pelajar, analisis regresi juga mendapati rasa perkaitan signifikan positif mempengaruhi rasa selamat di sekolah. Hal mengambarkan hubungan baik sesama rakan sebaya dapat mengurangkan masalah buli seterusnya mereka berasa selamat berada di sekolah. Berasa selamat di sekolah meningkatkan perasaan positif dan mengurangkan perasaan negatif.

Sekolah yang selamat juga memberi ruang seluasnya untuk pelajar melaporkan masalah dan meminta pertolongan dari pihak sekolah. Pelajar yang meminta pertolongan dari pihak sekolah atau guru mengambarkan mereka memerlukan campur tangan dalam menangani masalah keselamatan diri mereka (Marchand & Skinner, 2007). Kajian di Kanada oleh Duchesne et al. (2019) dan Brubacher dan Silinda (2019) di Afrika Selatan mendapati melaporkan dan mendapatkan pertolongan berhubung signifikan positif dengan kecekapan diri pelajar dalam pembelajaran akademik. Sebelum itu Shim, Rubenstein dan Drapeau (2016) mendapati senangnya membuat laporan dan mendapatkan pertolongan dari guru, rakan sebaya dan pihak sekolah mempengaruhi kecekapan pelajar menguruskan kehidupan mereka di sekolah.

Kebebasan pelajar untuk membuat aduan salah laku disiplin dan meminta bantuan menjadi keperluan autonomi yang diperlukan pelajar kerana ia berkaitan dengan keselamatan diri mereka (Williams et al., 2018). Pihak sekolah perlu mengurus aduan yang dilaporkan secara cermat dan bijaksana, hal ini kerana pelajar yang



melaporkan salah laku serta ingin mendapat pertolongan dari sekolah didapati akan menjadi mangsa buli (Aldridge, McChesney, & Afari, 2018). Pun begitu, langkah yang berkesan bagi mengurangkan masalah buli dalam kalangan pelajar adalah dengan memperkenalkan peraturan yang jelas, berbanding pihak sekolah menerima laporan salah laku dari pelajar (Aldridge et al., 2018). Peraturan yang jelas dapat mengurangkan rasa tidak puas hati sesama pelajar kerana peraturan tersebut datangnya dari pihak sekolah berbanding rakan mereka melaporkan kesalahan kepada pihak sekolah.

Pun begitu, peraturan yang jelas serta ruang melaporkan dan mendapatkan pertolongan kedua-duanya sama penting kerana peraturan yang jelas dapat mengurangkan salah laku. Sebaliknya, melaporkan dan mendapatkan pertolongan pula penting apabila keselamatan diri pelajar terancam. Hal ini bererti peraturan yang jelas merupakan langkah pencegahan, manakala melaporkan dan mendapatkan pertolongan adalah langkah merawat/melindungi keselamatan diri pelajar terjamin. Oleh itu, peraturan yang jelas serta mendapatkan pertolongan merupakan dua perkara yang dapat memenuhi KAP pelajar. Dari perspektif lain pula, Papamitsiou dan Economides (2019) mendapati semakin kerap pelajar melaporkan salah laku disiplin atau buli dan meminta pertolongan membuktikan autonomi pelajar untuk membuat keputusan untuk berasa diri lebih selamat di sekolah. Berdasarkan saranan teori dan pembuktian secara empirikal, hipotesis berikut dikemukakan bagi menjawab persoalan kajian. Hipotesis-hipotesis tersebut adalah:

H1a KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara sokongan guru dengan perasaan positif pelajar di sekolah.

H1b KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara



hubungan rakan sebaya dengan perasaan positif pelajar di sekolah.

H1c KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara hubungan pihak sekolah dengan perasaan positif pelajar di sekolah.

H1d KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara penerimaan kepelbagaian budaya dengan perasaan positif pelajar di sekolah.

H1e KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara peraturan yang jelas dengan perasaan positif pelajar di sekolah.

H1f KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara mendapatkan pertolongan dengan perasaan positif pelajar di sekolah.

H2a KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara sokongan guru dengan perasaan negatif pelajar di sekolah.

H2b KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara hubungan rakan sebaya dengan perasaan negatif pelajar di sekolah.

H2c KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara hubungan dengan pihak sekolah dengan perasaan negatif pelajar di sekolah.

H2d KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara penerimaan kepelbagaian budaya dengan perasaan negatif pelajar di sekolah.

H2e KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara peraturan yang jelas dengan perasaan negatif pelajar di sekolah.

H2f KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara mendapatkan pertolongan dengan perasaan negatif pelajar di sekolah.

1.6.2 KAP Sebagai Pengantara Bagi Hubungan Antara Iklim Sekolah dengan Rasa Kepuasan Hidup di Sekolah

Secara asasnya KAP yang dipenuhi memberi rasa kesejahteraan dalam diri manusia (Ryan & Deci, 2000b). Di sekolah kehidupan pelajar amat berkait dengan rakan sebaya dan guru yang menjadi asas hubungan sosial dalam iklim sekolah. Guru dan rakan sebaya menjadi faktor penyumbang utama kepada keperluan rasa perkaitan (Xiang, Agbuga, Liu, & McBride, 2017), kecekapan (Watson et al., 2020; Oostdam et al., 2019; Tian, Tian, et al., 2016) dan autonomi (Wood, 2019) dalam diri pelajar rasa dipenuhi. Kajian yang melibatkan pelajar sekolah menengah di Turkey oleh Celik (2018) mendapati iklim sekolah memberi mempengaruhi KAP dan kesejahteraan subjektif pelajar. Manakala kajian Theis et al. (2020) mendapati keperluan kecekapan signifikan sebagai pengantara bagi hubungan keperluan yang dipenuhi (hubungan interpersonal di sekolah) dengan kecermelangan akademik pelajar. Sementara itu, dapatan kajian oleh Fraguela-Vale et al. (2020) mendapati keperluan autonomi signifikan sebagai pengantara bagi hubungan aktiviti pendidikan jasmani bagi pelajar sekolah di Sepanyol. Di Hong Kong pula, Cho (2019) membuktikan iklim sekolah menyumbang kepada rasa kepuasan hidup pelajar. Walaupun kajian Cho (2019) ini tidak menguji elemen KAP, namun penentuan rasa kepuasana hidup pelajar berdasarkan pengalaman yang mereka lalui, pengalaman ini mengambarkan tahap KAP yang dipenuhi.

Selain daripada faktor sosial di sekolah (guru, pelajar dan pihak sekolah), penerimaan kepelbagaian budaya juga antara faktor yang mempengaruhi kesejahteraan pelajar di sekolah (Aldridge, Fraser, et al., 2016). Budaya dan keagamaan merupakan dua perkara yang sangat berkait rapat. Oleh itu, apabila membincangkan penerimaan kepelbagaian budaya, elemen agama dan amalan budaya turut sama dikaitkan. Ryan,



Rigby dan King (1993) mendapati keagamaan mempunyai korelasi dengan kesejahteraan psikologi (kesempurnaan diri, harga diri dan kemurungan). Dari sudut perbezaan budaya pula, Chirkov, Ryan, Kim dan Kaplan (2003) telah menjalankan kajian silang budaya di Korea Selatan, Rusia, Turki dan Amerika Syarikat, mereka mendapati amalan budaya yang diamalkan memberi kesan signifikan terhadap kesejahteraan psikologi (kesempurnaan diri, harga diri, kepuasan hidup dan kemurungan). Aldridge, McChesney dan Afari (2020) yang dijalankan kajian dalam kalangan pelajar sekolah yang berusia 7 tahun hingga 12 tahun di Australia turut mendapati KAP (daya tahan) merupakan pengantara bagi hubungan penerimaan kepelbagaian budaya dengan kepuasan hidup pelajar.

Tidak terkecuali juga faktor luaran yang tidak kurang pentingnya adalah elemen

peraturan dan keselamatan di sekolah. Peraturan sekolah diwujudkan untuk menjamin keselamatan dan keselesaan pelajar di sekolah. Sehubungan dengan itu, para pelajar perlu jelas tentang peraturan sekolah yang telah ditetapkan. Peraturan sekolah yang jelas menggambarkan sekolah yang selamat (Aldridge & Ala'I, 2013). Secara asasnya Kunter, Baumert, dan Köller (2007) berjaya membuktikan KAP berperanan menjadi pengantara bagi hubungan kejelasan peraturan dalam bilik darjah dengan rasa minat pelajar terhadap mata pelajaran yang diminati di Jerman. Manakala Kokkinos dan Hatzinikolaou (2011) yang menjalankan kajian keratan rentas menggunakan pendekatan *hierarchical regression analyses* ke atas pelajar sekolah yang berusia 14 hingga 16 tahun mendapati arahan yang tersusun dari guru memberi impak positif kepada kecekapan akademik (*scholastic competence*) pelajar dalam bilik darjah, manakala peraturan yang jelas dalam bilik darjah pula turut signifikan positif mempengaruhi kecekapan berbahasa dalam kalangan pelajar. Bagi konteks



keselamatan pula, Williams, Schneider, Wornell dan Langhinrichsen-Rohling (2018) mendapati rasa selamat di sekolah berkorelasi positif dengan rasa perkaitan pelajar di sekolah.

Faktor iklim sekolah lain yang mempengaruhi kesejahteraan subjektif pelajar ialah mudah untuk melaporkan dan meminta pertolongan di sekolah. Menurut Aldridge, Ala'i, & Fraser (2016) mudahnya pelajar melaporkan permasalahan atau isu adalah salah satu cara memenuhi keperluan keselamatan pelajar dan memberi rasa kepuasan di sekolah. Pelajar yang meminta pertolongan dari pihak sekolah memberi ruang untuk pihak sekolah memahami kehendak dan keperluan pelajar (Marchand & Skinner, 2007). Pelajar di sekolah membuat laporan dan meminta pertolongan dari guru, pihak sekolah atau rakan sebaya apabila berdepan dengan masalah keselamatan diri (Doan et al., 2020; Riekie et al., 2017), keperluan peribadi (Krane, Ness, Holter-Sorensen, Karlsson, & Binder, 2017), pembelajaran akademik (Duchesne et al., 2019), masalah kesihatan fizikal dan mental (Karatekin, 2019) serta perasaan (Doan et al., 2020). Menurut Marchand dan Skinner (2007) KAP signifikan menjadi pengantara bagi hubungan motivasi pelajar dengan mudahnya pelajar meminta pertolongan di sekolah. Manakala kajian Brubacher dan Silinda (2019) di Afrika Selatan mendapati kecekapan diri pelajar menjadi pengantara bagi hubungan meminta pertolongan dengan kesungguhan pembelajaran akademik. Maka jelaslah bahawa KAP yang dipenuhi dengan cara mudahnya melaporkan dan meminta pertolongan meningkatkan kepuasan pelajar di sekolah. Berdasarkan dapatan kajian lalu dan perbincangan kajian di atas pengkaji menetapkan hipotesis seperti berikut:

- H3a KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan sokongan guru dengan kepuasan hidup pelajar di sekolah.
- H3b KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara hubungan rakan sebaya dengan kepuasan hidup pelajar di sekolah.
- H3c KAP berperanan sebagai yang signifikan bagi hubungan antara hubungan dengan pihak sekolah dengan kepuasan hidup pelajar di sekolah.
- H3d KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara penerimaan kepelbagaian budaya dengan kepuasan hidup pelajar di sekolah.
- H3e KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara peraturan yang jelas dengan kepuasan hidup pelajar di sekolah.
- H3f KAP berperanan sebagai pengantara yang signifikan bagi hubungan antara melaporkan dan meminta pertolongan dengan kepuasan hidup pelajar di sekolah.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual dalam kajian ini dibangunkan berdasarkan teori, model dan saranan tinjauan literatur. Terdapat dua model dan satu teori yang mendasari kajian ini iaitu Model Kesejahteraan Subjektif, *Self Determination Theory*, dan Model Iklim Sekolah *What's Happening In This School*. Sehubungan dengan itu, kerangka konseptual dibangunkan untuk meneliti pengaruh tidak langsung dimensi iklim sekolah terhadap dimensi kesejahteraan subjektif melalui KAP pelajar sekolah menengah di daerah Hilir Perak (**Rajah 1.3**).



1.7.1 Model Iklim Sekolah

Model yang mendasari iklim sekolah dalam kajian ini ialah model *What's Happening In This School? (WHITS)* (Aldridge & Ala'I, 2013). Menurut Aldridge dan Ala'I (2013) asas kepada model ini ialah integrasi pandangan dan persepsi pelajar terhadap penerimaan mereka di sekolah dan masalah buli yang berlaku. Kesannya, model ini menjurus kepada penilaian kesejahteraan pelajar semasa berada di sekolah. Model ini dibangun dan digunakan di negara Australia untuk mengkaji kesan iklim sekolah terhadap emosi, pencapaian akademik, pembentukkan sikap dan keselamatan. Model ini lebih menekankan kepada aspek interpersonal antara pelajar dengan pihak lain di sekolah. Oleh itu, model iklim sekolah WHITS menumpukan kepada dimensi sokongan guru, hubungan rakan sebaya, hubungan dengan pihak sekolah, penerimaan kepelbagaian budaya, peraturan yang jelas serta melaporkan dan mendapatkan pertolongan.

Sokongan guru merujuk kepada penerimaan pelajar dari guru meliputi aspek perasaan dan kognitif (Skinner & Belmont, 1993), memahami diri pelajar (Skinner et al., 2008), keprihatinan (Longobardi, Prino, Marengo, & Settanni, 2016), dan nilai persahabatan (Aldridge & Ala'I, 2013). Sokongan guru terbina hasil daripada hubungan yang baik antara guru dan pelajar. Hubungan guru dengan pelajar adalah aspek penting dalam persekitaran sekolah dan dapat mempengaruhi pengalaman pelajar (Aldridge & Ala'I, 2013). Menurut Dukynaitė dan Dudaitė (2017) pelajar yang melihat diri mereka diperhatikan dan dihargai oleh guru lebih cenderung bekerja keras dan mengambil berat terhadap diri mereka sendiri dan orang lain. Terdapat kajian melaporkan hubungan baik guru dengan pelajar dapat membantu pelajar berkeyakinan untuk menangani masalah,





serta mereka mampu melakukan dan menyelesaikan tugas-tugas yang mencabar (Gashi & Mojsoska-Blazevski, 2016). Bahkan terdapat penemuan yang mendapati bahawa, jika pelajar menganggap guru dapat didekati, menyokong dan mengambil berat tentang mereka, pelajar cenderung untuk mendapatkan bantuan guru, menunjukkan peningkatan pencapaian akademik yang lebih baik dan pelajar kurang melakukan masalah disiplin (Voight & Nation, 2016). Keadaan ini bertepatan dengan dapatan kajian Blazar dan Kraft (2017) iaitu guru-guru di sekolah mempengaruhi dan memberi kesan kepada pelajar dalam pembelajaran dalam kelas, perasaan bahagia, sokongan perasaan dan tingkah laku. Justeru, hubungan antara guru dengan pelajar merupakan dimensi penting yang menyumbang kepada iklim sekolah yang baik.

Banyak kajian mendapati hubungan positif sesama rakan sebaya mampu meningkatkan tahap interaksi, penerimaan serta dapat mengurangkan berlakunya masalah buli (Sainio, Veenstra, Huitsing, & Salmivalli, 2011). Bahkan Stewart (2008) menjelaskan bahawa hubungan positif rakan sebaya memberi pelajar pengalaman yang lebih baik untuk menangani masalah buli yang berlaku. Terdapat juga kajian membuktikan hubungan positif dengan rakan sebaya dapat mempromosikan kemahiran psikologi, kemahiran hidup, pencapaian akademik dan motivasi (Stewart, 2008; Nichols & White, 2001; Cotterell, 1992). Tidak dinafikan dalam peringkat usia remaja, hubungan dengan rakan sebaya sangat berpengaruh serta terkesan dalam menentukan tindakan pelajar (Noor Erma & Eu, 2014). Pun begitu, sekiranya remaja bergaul dengan rakan sebaya yang berpesonaliti negatif, mereka juga turut terjebak dalam gejala sosial yang tidak bermanfaat seperti menghisap rokok dan dadah (Yahaya Azizi & Aliju, 2010). Remaja lebih cenderung menerima pengaruh rakan sebaya kerana mereka berada dalam proses membebaskan diri daripada pengaruh ibu bapa dan mereka mula berfikir





untuk diri sendiri (Yahya Azizi, Noordin, & Daing Junaidah, 2010). Justeru, hubungan dengan rakan sebaya didapati menjadi salah satu dimensi iklim sekolah yang sangat penting memberi impak kepada pelajar.

Muktahir ini, kesejahteraan pelajar bukan sahaja ditentukan oleh faktor guru, rakan semata-mata, malah hubungan dengan orang dewasa iaitu kaki tangan pentadbiran turut menyumbang kepada kesejahteraan pelajar (Aldridge & Ala’I, 2013). Hal ini kerana pelajar turut sama berinteraksi dengan kaki tangan sekolah seperti di kantin, pejabat sekolah, makmal dan pekerja pembersihan. Oleh itu, elemen hubungan dengan pihak sekolah juga didapati menjadi penyumbang kepada iklim sekolah yang baik. Hubungan pelajar dengan pihak sekolah dianggap turut mempunyai pengaruh yang kuat terhadap keterkaitan pelajar dengan orang dewasa di sekolah (Rowe & Stewart, 2009). Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar tentang keterkaitan dengan pihak sekolah berhubung secara positif terhadap pencapaian akademik dan penglibatan diri di sekolah (St-Amand, Girard, & Smith, 2017). Di samping itu, hubungan pelajar dengan pihak sekolah turut menyumbang kepada kesihatan mental dan kesejahteraan psikososial pelajar (Lester & Cross, 2015).

Pelajar sekolah terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik yang berbeza latar belakang serta budaya. Kepelbagaian budaya, keturunan, etnik, agama dan kepercayaan adalah identiti budaya majmuk masyarakat di negara ini (Hafzan & Zolkepeli, 2018). Penerimaan kepelbagaian budaya ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik dan menjadi perhatian dunia dalam usaha menyatu padukan rakyat yang pelbagai budaya ini. Sistem pendidikan di Malaysia sangat meraikan kepelbagaian budaya, kaum dan agama khususnya di sekolah-sekolah kebangsaan. Buktinya, semua pelajar masih





menerima dan mengamalkan sistem pendidikan yang sama kerana semua pelaksanaan sistem pendidikan berpusat dari KPM. Bagi mengelakkan sifat prasangka negatif antara kaum, pelajar pelbagai kaum dicampur dalam satu kelas untuk menggalakkan interaksi dan memahami budaya kaum lain. Kajian yang dijalankan oleh Chong, Mahamod dan Yamat (2013) berkaitan kepelbagaian budaya di sekolah dengan kecerdasan perasaan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan perasaan mengikut kaum. Justeru, dimensi kepelbagaikan budaya turut penting mewakili dimensi iklim sekolah kerana di Malaysia pelajar terdiri dari pelbagai kaum.

Arahan dan peraturan yang jelas membantu pelajar, guru dan kaki tangan sekolah mengetahui apa yang perlu mereka lakukan serta memberi panduan tentang tindakan yang tidak dibenarkan di sekolah (Hernandez & Seem, 2004). Sementara itu, Hernandez dan Seem (2004) mendefinisikan dengan jelas peraturan sekolah sebagai tingkah laku yang boleh diterima serta membawa kepada wujudnya iklim sekolah yang lebih selamat. Menurut Wang dan Dishion (2012) terdapat keperluan untuk sekolah mempunyai penguatkuasaan sistem yang adil dan saksama bagi semua pelajar. Penguatkuasaan sistem disiplin yang adil di sekolah didapati dapat mengurangkan masalah salah laku disiplin (Cotton, 1990). Hal ini kerana peraturan sekolah dirangka bagi memastikan perbuatan yang memberi kesan negatif kepada diri sendiri dan orang lain dapat dicegah dengan berkesan. Di Malaysia, kajian yang dijalankan oleh Puspa Devi Lokanathan (2005) turut mendapati disiplin menjadi satu kawalan sosial bagi mewujudkan suasana yang tenteram supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan teratur dan lancar. Memandangkan adanya kajian yang menyokong pentingnya peraturan yang adil, jelas dan konsisten untuk mewujudkan persekitaran





sekolah yang selamat, dimensi peraturan yang jelas turut penting menggambarkan iklim sekolah yang wujud di sekolah.

Hak-hak pelajar perlu ditegakkan dan suasana sekolah yang lebih selamat sangat diperlukan (Kutsyuruba et al., 2015). Kajian terdahulu membuktikan bahawa sekolah yang mempunyai iklim yang menyokong pelajar untuk melaporkan dan mendapatkan pertolongan signifikan memberi kesan kepada kesejahteraan diri mereka (Aldridge & Ala'I, 2013). Pelaporan dan mendapatkan pertolongan menggambarkan kesedaran pelajar terhadap prosedur sekolah untuk melaporkan isu tertentu serta kesedaran mereka menggunakan prosedur tersebut (Aldridge, McChesney, & Afari, 2018). Walau bagaimanapun, kesedaran pelajar untuk melaporkan isu disiplin masih rendah kerana tindakan pencegahan yang diambil guru kurang efisyen (Pečjak & Pirc, 2017). Hal ini terbukti apabila hanya 15% daripada masalah buli yang dilaporkan kepada guru diambil tindakan yang sewajarnya (Craig, Pepler, & Atlas, 2000), manakala Berkowitz (2014) pula mendapati guru kurang terlibat secara aktif dalam menghentikan masalah disiplin yang berlaku di sekolah. Sehubungan dengan itu, kesedaran pelajar untuk melaporkan isu disiplin turut dipengaruhi oleh corak guru menangani masalah disiplin yang dilaporkan oleh pelajar. Oleh itu, dimensi melaporkan dan mendapatkan pertolongan turut sama penting bagi mewujudkan iklim sekolah yang baik






1.7.2 Self Determination Theory

SDT merupakan teori yang membahaskan motivasi dalaman manusia untuk mencapai kesejahteraan *eudaimonic* (Lambert et al., 2015). SDT diperkenalkan oleh Edward Deci dan Richard Ryan pada tahun 1985 mengenai teori yang berkaitan dengan kehidupan manusia berdasarkan tingkah laku dan perkembangan peribadi (Deci & Ryan, 2000). Fokus berkaitan dengan SDT ialah tentang tahap keperluan psikologi seseorang yang menjadi asas motivasi dalaman untuk mengawal kecenderungan melakukan tingkah laku positif atau sebaliknya (Ryan & Deci, 2007). SDT juga mengkaji cara keadaan biologi, sosial, dan budaya sama ada boleh meningkatkan atau mengurangkan keupayaan manusia yang turut sama memberi kesan kepada pertumbuhan psikologi, penglibatan, dan kesejahteraan diri, baik secara umum maupun dalam bidang tertentu



Pelbagai pendekatan teori dalam kajian emperikal berkaitan konsep keperluan manusia termasuk keperluan psikologi. Berdasarkan **Rajah 1.1**, SDT menerangkan bahawa KAP terdiri daripada tiga komponen iaitu keperluan rasa perkaitan, kecekapan dan autonomi. Melalui SDT didapati KAP mesti dipenuhi agar minat, perkembangan dan kesejahteraan psikologi dapat dipertahankan. Seperti keperluan fisiologi, KAP dikatakan sebagai keperluan yang objektif kerana kekurangan atau kepuasan dalam diri seseorang mempunyai kesan fungsi yang jelas dan dapat diukur serta diperolehi tanpa mengira tujuan atau nilai subjektif seseorang (Ryan & Deci, 2007). KAP juga penting untuk motivasi intrinsik, pertumbuhan personaliti, pembangunan sosial, dan kesejahteraan peribadi (Yu et al., 2018; Deci & Ryan, 2008; Gagné & Deci, 2005).





Rajah 1.1. Komponen KAP berdasarkan SDT. Sumber: Deci dan Ryan, (2008).

Rasa perkaitan ialah rasa adanya hubungan yang saling peduli dengan orang lain (Ryan & Deci, 2007). Rasa perkaitan sangat penting kerana dapat memenuhi sifat sosial manusia dan hubungannya dengan orang lain (Deci & Ryan, 2002). Pengkaji bidang psikologi bersetuju bahawa hubungan psikologi adalah penting dalam persekitaran meraka berada seperti di rumah, sekolah (Ryan & Powelson, 1991), dan di tempat kerja (Martela & Riekki, 2018). Rasa perkaitan dapat ditingkatkan melalui hubungan interpersonal yang baik, sikap prihatin, rasa tanggungjawab dan saling hormat menghormati. Seseorang akan berasa puas terhadap rasa perkaitan apabila terjalin persahabatan dan membina hubungan yang rapat dengan orang lain dimana sahaja mereka berada (Ryan & Deci, 2000b).

KAP yang kedua pula ialah kecekapan. Melalui SDT, kecekapan merujuk kepada rasa penguasaan, kemampuan, keberkesanan, dan pencapaian dalam kehidupan serta tingkah laku (Ryan & Deci, 2000b). Keperluan kecekapan diperlukan bagi mengatasi masalah-masalah tertentu secara berkesan dan mengendalikan kehidupan ke



arah yang lebih baik. Kecekapan dalam diri seseorang mampu bertindak balas terhadap perkara yang kompleks dan dapat melaksanakan pelbagai tugas dengan cara yang sesuai melibatkan pelbagai kemahiran bertindak, pengetahuan teori, nilai, sikap dan emosi (Niemiec & Ryan, 2009). Keperluan kecekapan boleh dipengaruhi persekitaran sosial dimana seseorang itu berada (Holt, Smedegaard, Pawlowski, Skovgaard, & Christiansen, 2019).

Manakala komponen KAP terakhir ialah autonomi. Autonomi merujuk kepada kebebasan menentukan arah diri dan pengesahan peribadi dalam menentukan tingkah laku (Ryan & Powelson, 1991). Autonomi dalam diri seseorang itu mampu menentukan tingkah laku sendiri tanpa ada dorongan atau paksaan dari pihak lain. Autonomi seseorang dilihat berdasarkan minat yang ada dalam diri, rasa suka dan percaya dengan tindakan yang dilakukan (Niemiec & Ryan, 2009). Autonomi seseorang bersumberkan kepada lokus dalaman diri, pilihan tindakan yang pelbagai dan dilakukan dengan rasa kerelaan (Ryan & Deci, 2007). Autonomi seseorang boleh dipertingkatkan dengan cara memilih aktiviti berdasarkan minat seseorang dan dapat mempengaruhi tindakan yang dilakukan (Holt et al., 2019).

Secara umumnya, KAP merupakan kehendak semulajadi dalam diri seseorang yang dipengaruhi oleh faktor luaran dan KAP memberi kesan kepada rasa kesejahteraan. KAP tidak boleh dihapuskan atau diabaikan kerana merupakan keperluan semulajadi yang sememangnya dikehendaki dalam diri setiap individu. Justeru berdasarkan perbincangan teori ini, KAP dilihat berperanan sebagai penghubung antara faktor luaran dengan kesejahteraan individu.





1.7.3 Model Kesejahteraan Subjektif


Model kesejahteraan subjektif dikembangkan oleh Ed Diener pada tahun 1984 (Diener, 1984). Kesejahteraan subjektif dikategorikan dalam kesejahteraan *hedonic* yang merujuk kepada perasaan seronok atau gembira (Miquelon & Vallerand, 2008). Kesejahteraan subjektif juga ditakrifkan sebagai gambaran kualiti hidup seseorang yang dinilai dari sudut afektif dan kognitif (Diener, Oishi, & Lucas, 2009). Dari sudut afektif, dinilai tingginya perasaan positif dan rendahnya perasaan negatif. Manakala dari sudut kognitif pula, dinilai rasa kepuasaan hidup (Larsen, 2009). Maka kesejahteraan subjektif melibatkan faktor dalaman seseorang yang dipengaruhi dengan persekitaran (Steel, Schmidt, & Shultz, 2008).



perlu diukur secara berasingan antara afektif dan kognitif namun masih saling berkolasasi (Diener, Suh, Lucas, & Smith, 1999). Oleh itu, kesejahteraan subjektif tiada komponen khusus untuk mengukurnya dan tidak bersifat objektif seperti kebendaan atau kesihatan, namun keduanya (efektif dan kognitif) boleh mempengaruhi (Diener, 1984). Oleh sebab itu, kesejahteraan subjektif dianggap sebagai cara seseorang menilai kehidupannya sendiri berdasarkan pengalaman menerima perasaan gembira dan rasa kesedihan serta penilaian kognitif yang dianggap baik (Diener & Chan, 2011). Perasaan gembira dan sedih serta penilaian kognitif adalah tindak balas terhadap perkara-perkara yang berlaku di sekeliling kehidupan seseorang. Maka kesejahteraan subjektif dianggap dengan adanya perasaan positif seperti rasa menyenangkan dan keselesaan, perasaan negatif seperti kesedihan dan kekecewaan atau keseimbangan keduanya yang dikatakan sebagai keseimbangan *hedonic* (Steel et al., 2008). Keseimbangan *hedonic* merujuk



kepada pengukuran terhadap kedua-dua komponen yang biasanya kesan perasaan positif lebih tinggi berbanding kesan perasaan negatif serta keduanya saling berkolerasi tinggi. **Rajah 1.2** menunjukkan pendekatan kesejahteraan yang terdiri daripada kesejahteraan *hedonic* dan *eudaimonic*.




Rajah 1.2. Pendekatan Model Kesejahteraan. Sumber: Rees et al. (2013)

Selain komponen perasaan positif dan negatif dalam pengukuran kesejahteraan subjektif, rasa kepuasaan hidup juga adalah komponen yang turut terlibat. Rasa kepuasaan hidup merupakan komponen kognitif dalam kesejahteraan subjektif yang merujuk kepada penilaian hidup secara keseluruhan dan sesuatu yang dominan memberi kepuasan dalam hidup (Diener, Emmons, Larsen, & Griffin, 1985). Individu berasa berasa puas dengan kehidupan mereka apabila mencapai matlamat yang diinginkan. Kepuasan hidup dipengaruhi oleh kesihatan tubuh badan yang baik, pengiktirafan, penghargaan kepada diri dan hubungan sosial yang kuat (Gilman & Huebner, 2000).



Dalam konteks remaja di sekolah, perkara yang memberi kepuasan hidup pelajar di sekolah ialah kecekapan akademik, tingkah laku yang baik, keterlibatan diri, dan kepentingan diri kepada pihak sekolah (Heffner & Antaramian, 2016). Pelajar yang tinggi rasa kepuasan hidup di sekolah didapati disokong kuat oleh guru dan hubungan rakan sebaya yang baik (Olčar, Rijavec, & Ljubin Golub, 2019; Wong & Siu, 2017; Guess & McCane-Bowling, 2016). Bagi pengukuran dari sudut emosi dan kognitif antara keduanya diukur secara berasingan. Dalam kajian ini, pengukuran terhadap perasaan positif dan negatif diukur menggunakan skala *Positive Affect Negative Affect Schedule* (PANAS) (Watson et al., 1988), manakala kepuasan hidup diukur menggunakan *Students' Life Satisfaction Scale* (Huebner, 1994).





Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian



1.8 Kepentingan Kajian

Pada asasnya kajian ini penting kepada teori itu sendiri. Hasil kajian ini dapat membuktikan bahawa KAP perlu dipenuhi dalam semua keadaan kehidupan seseorang tidak kira peringkat umur,jantina, bangsa, agama dan tahap intelektual. KAP turut perlu dipenuhi dalam konteks pelajar di sekolah kerana memberi kesan kepada perasan dan rasa kepuasan mereka berada di sekolah. Hal ini kerana semakin meningkat KAP pelajar maka semakin meningkat perasaan positif dan rasa kepuasan hidup pelajar di sekolah. Komponen KAP iaitu rasa perkaitan, kecekapan dan autonomi menjadi keperluan semulajadi yang sangat memberi kesan kepada keberadaan dan kesejahteraan pelajar di sekolah. Maka melalui kajian ini, dapat dikenal pasti teori-teori yang digunakan dan kesesuaian teori diaplikasikan dalam konteks sekolah di Malaysia. Modifikasi teori yang digunakan juga dijangka boleh memberi keputusan yang signifikan terhadap hubungan antara faktor-faktor penyumbang kepada kesejahteraan subjektif pelajar di sekolah.

Melalui kajian ini dapat diketahui bahawa iklim sekolah ialah penyumbang terbesar kepada KAP dan sangat memberi kesan kepada perasaan serta rasa kepuasan hidup pelajar semasa berada di sekolah. Maka kajian ini penting kepada pelajar dan badan pelaksana iaitu sekolah, PPD, JPN dan KPM untuk melihat dimensi iklim sekolah yang lemah untuk dibuat penambahbaikan dan mempertingkatkan daya fungsi dimensi iklim sekolah yang sudah mantap. Kajian ini juga dapat memberi kefahaman kepada badan pelaksana bahawa iklim sekolah memainkan peranan penting



mencorakkan kesejahteraan subjektif pelajar secara keseluruhannya. Sepertimana yang disarankan oleh Zullig, Koopman, dan Huebner (2009) bahawa barisan pentadbiran sekolah boleh mempertimbangkan untuk melakukan usaha yang sistematik dan berterusan untuk memantau dan mempromosikan iklim sekolah yang positif dan kesejahteraan subjektif pelajar di sekolah.

Di samping itu, kajian ini dapat memahami bahawa pentingnya melahirkan modal insan yang sihat emosi dan mental. Kesihatan mental pelajar di sekolah memberi kesan kepada pencapaian akademik yang baik, pelajar aktif terlibat dalam aktiviti kurikulum dan memiliki sahsiah diri yang unggul. Sekolah yang sejahtera bermula dengan diri pelajar yang sejahtera melalui KAP yang dipenuhi. KAP yang dipenuhi mampu menentukan keberhasilan modal insan yang seimbang dari semua aspek kehidupan seperti mana hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Maka kajian terhadap keperluan psikologi pelajar pada masa hadapan perlu terus diberi perhatian. Hal ini kerana pelajar sekolah adalah aset negara yang sangat berharga untuk dijaga bagi meneruskan legasi kepimpinan dan pengurusan negara pada masa hadapan. Generasi pada masa kini perlu dicorak demi masa depan masyarakat dan negara yang lebih gemilang.

1.9 Definisi Konseptual dan Operasional

Dalam kajian ini terdapat tiga pemboleh ubah utama iaitu iklim sekolah, KAP, dan kesejahteraan subjektif. Istilah-istilah ini didefinisikan seperti dalam bahagian 1.9.1, 1.9.2 dan 1.9.3.



1.9.1 Iklim Sekolah

Secara umumnya, iklim sekolah merujuk kepada kualiti dan sifat yang ada dalam sesebuah sekolah (O’Malley et al., 2015; Zullig et al., 2010; Cohen, 2009). Terdapat banyak elemen di sekolah yang menyumbang kepada iklim sekolah. Pun begitu, Cohen et al. (2009) dan Ramelow, Currie dan Felder-Puig (2015) berpendapat iklim sekolah terdiri dari empat elemen utama yang meliputi keselamatan, pengajaran dan pembelajaran, interaksi interpersonal dan persekitaran fizikal. Sebaliknya, Thapa et al. (2013) pula berpendapat iklim sekolah terbentuk dari elemen utama yang terdiri daripada peraturan sekolah, persekitaran fizikal, keadaan sosial, demografi pelajar dan kaki tangan, hubungan interpersonal, budaya individu. Manakala Lewno-Dumdie, Mason, Hajovsky dan Villeneuve (2020) menjelaskan secara lebih terperinci dimensi

iklim sekolah yang diutarakan oleh para pengkaji sebelum ini; mereka menyimpulkan bahawa dimensi utama iklim sekolah terdiri daripada hubungan sosial, pengajaran dan pembelajaran, keselamatan, persekitaran institusi, dan proses kemajuan sekolah. Sehubungan dengan itu, dapatlah difahami bahawa pengukuran kepada iklim sekolah adalah luas dan melibatkan semua pihak yang berkaitan dengan sesebuah sekolah tersebut.

Maka dalam konteks kajian ini, iklim sekolah didefinisikan sebagai skor daripada instrumen *WHITS* yang dibina oleh Aldridge dan Ala,’I (2013). Penilaian iklim sekolah bergantung kepada skor yang diterima daripada responden yang menjawab borang soal selidik berdasarkan skala selang 10 peringkat iaitu 1 mewakili tidak pernah hingga 10 mewakili sentiasa. Semakin tinggi skor dimensi menunjukkan semakin bagus dimensi iklim sekolah yang dikaji. Enam dimensi iklim sekolah yang



diukur meliputi sokongan guru, hubungan dengan rakan sebaya, hubungan dengan pihak sekolah, penerimaan kepelbagaiannya budaya, peraturan yang jelas dan yang terakhir melaporkan serta mendapatkan pertolongan.

1.9.2 Keperluan Asas Psikologi

KAP ialah kehendak kepuasan semula jadi yang sedia ada dalam diri yang menyumbang kepada perkembangan diri dan kesejahteraan individu serta mempunyai tahap kepuasaan yang berbeza-beza (Ryan & Deci, 2004b). Secara asasnya, KAP individu terbahagi kepada tiga elemen iaitu autonomi, rasa perkaitan dan kecekapan (Ryan & Deci, 2000a). Dalam konteks pelajar sekolah, KAP merujuk kepada kehendak semulajadi pelajar semasa mereka berada di sekolah dan dipengaruhi oleh iklim sekolah. KAP pelajar di sekolah dari segi autonomi merujuk kepada keupayaan pelajar untuk melaksana dan mengawal aktiviti pembelajaran mereka berdasarkan kepada tahap kemampuan dan keperluan diri mereka (Ryan & Deci, 2000a). Rasa perkaitan pula dikaitkan dengan rangkaian sosial, yang membolehkan interaksi sosial dengan rakan-rakan di kelas, guru-guru, staf sokongan dan pekerja swasta sama ada ketika sesi pembelajaran atau selepas waktu pembelajaran. Manakala kecekapan pelajar merupakan kemahiran dan sikap dalam melaksanakan sesuatu perkara yang melibatkan aktiviti di sekolah (Tian, Han, & Huebner, 2014). Keperluan kecekapan dapat memberi penguasaan pelajar terhadap pembelajaran di sekolah. Justeru, KAP yang dipenuhi adalah keperluan yang dapat memberi gambaran kepada rasa kepuasan pelajar berada di sekolah.

Sehubungan dengan itu, KAP dalam kajian ini didefinisikan sebagai skor instrumen *Adolescent Students' Basic Psychological Needs at School Scale (ASBPNSS)* (Tian et al., 2014). Penilaian KAP bergantung kepada skor yang diterima daripada responden yang menjawab borang soal selidik berdasarkan skala selang 10 peringkat iaitu 1 mewakili tidak pernah hingga 10 mewakili sentiasa. Semakin tinggi skor dimensi menunjukkan semakin sempurna tahap kepuasan diri pelajar.

1.9.3 Kesejahteraan Subjektif Pelajar

Kesejahteraan subjektif merujuk kepada penilaian kehidupan individu yang merangkumi aspek afektif iaitu perasaan positif dan negatif serta pertimbangan fikiran iaitu kepuasan hidup (Diener et al., 2009). Dalam konteks kajian ini kesejahteraan subjektif pelajar didefinisikan sebagai skor kepada item *Positive and Negative Affect Schedule (PANAS)* (Watson, Clark, & Tellegen, 1988) bagi mengukur tahap perasaan positif dan negatif serta skor item *Multidimensional Students' Life Satisfaction Scale (MSLSS)* (Huebner, 1994) bagi pengukuran rasa kepuasan hidup pelajar. Penilaian tahap kesejahteraan subjektif hidup pelajar di sekolah ditentukan berdasarkan skor yang diterima daripada responden yang menjawab soal selidik berdasarkan skala selang 10 peringkat iaitu 1 mewakili tidak pernah hingga 10 mewakili sentiasa. Semakin tinggi skor tahap kepuasan hidup dan perasaan positif membawa erti pelajar mempunyai tahap kesejahteraan yang lebih baik semasa mereka berada di sekolah. Di samping itu, semakin rendah skor perasaan negatif membawa erti pelajar kurang menghadapi masalah kesihatan mental.



1.10 Rumusan

Secara ringkasnya, bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan oleh pengkaji berkaitan dengan peranan KAP sebagai pengantara bagi hubungan antara iklim sekolah dan kesejahteraan subjektif pelajar. Objektif kajian ini dikemukakan adalah berdasarkan kepada permasalahan kajian yang berlaku. Bagi memahami konsep kajian ini, kerangka konseptual dipersembahkan berdasarkan kepada gabungan model dan teori yang berkaitan. Bagi mengukur kesejahteraan subjektif pelajar pula diukur secara khusus yang merangkumi komponen perasaan positif, perasaan negatif dan rasa kepuasaan hidup. Selain itu untuk memastikan maksud kajian dapat disampaikan dengan tepat, pengkaji turut memperjelaskan definisi bagi pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini.



Justeru, kajian ini dapat menyumbang untuk penerokaan dengan lebih mendalam peranan KAP selaku pengantara bagi hubungan antara iklim sekolah dengan kesejahteraan subjektif pelajar. Di samping itu, kajian ini juga dapat memahami peranan setiap setiap dimensi iklim sekolah yang menyumbang kepada kesejahteraan pelajar di sekolah. Bagi meningkatkan kefahaman mengenai konsep peranan KAP sebagai pengantara, bab seterusnya membincangkan secara komprehensif berkaitan pengukuran terhadap iklim sekolah, KAP dan juga kesejahteraan subjektif. Di samping itu, bab seterusnya juga turut membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan peranan iklim sekolah terhadap KAP dan kesannya kepada kesejahteraan subjektif pelajar.

